

Pengambilan pelajar sesuai keperluan semasa negara

Kuala Lumpur: Pengambilan pelajar perubatan di universiti awam (UA) adalah bersesuaian dengan perkembangan semasa dan kehendak negara.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Aini Ideris, berkata pengambilan pelajar perubatan juga berdasarkan kepada keperluan doktor dalam negara.


Katanya, sasaran jumlah doktor di negara maju menunjukkan nisbah doktor dengan penduduk adalah satu bagi setiap 400 penduduk menjelang 2020.

"Pengiraan pengambilan pelajar perubatan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) adalah atas kawalan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Persatuan Perubatan (MMA) supaya bilangan doktor mencukupi. Bilangan sedia ada mungkin mencukupi di Semenanjung tetapi tidak di pedalaman Sabah dan Sarawak," katanya ditanya sama ada UPM mahu mengurangkan pengambilan pelajar perubatan berikutan pengurangan jumlah perjawatan pegawai perubatan.

Aini berkata, isu tidak dapat penempatan untuk latihan terikat dengan jumlah penempatan yang ditawarkan di hospital kerajaan.

"Mana-mana Pegawai Perubatan Siswa-zah perlu mengikuti housemanship di hospital yang diiktiraf Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Terdapat empat hospital pengajar universiti di bawah KPT iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM). Bagi UPM akan siap pada 2019, manakala lima lagi dalam perancangan," katanya.



Pengiraan pengambilan pelajar perubatan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) adalah atas kawalan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Persatuan Perubatan (MMA)"

Aini Ideris,
Naib Canselor Universiti Putra Malaysia